

## **Analisis Keperluan Kurikulum Pendidikan Vokasional Pelajar Bermasalah Pembelajaran (LD) di Malaysia**

**Zainudin Mohd. Isa**

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia

**Norani Salleh**

**Ramlee Mustapha**

**Hanafi Mohd Yassin**

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Abstrak** Tujuan kajian ini adalah melakukan analisis keperluan terhadap kurikulum pendidikan vokasional pelajar bermasalah pembelajaran (MP) di peringkat sekolah menengah di Malaysia. Analisis keperluan ini antaranya bertujuan untuk menentukan sejauhmana kesesuaian kurikulum vokasional sedia ada terhadap keperluan pelajar MP; mengenalpasti bidang-bidang kemahiran yang diperlukan oleh pelajar MP; mengenalpasti corak dan pasaran kerjaya yang diperlukan di masa depan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang dijalankan menggunakan soal selidik dan temu bual terhadap 111 orang responden yang terdiri daripada guru yang mengajar di program pendidikan khas, ibubapa pelajar MP, wakil NGO, majikan bekas pelajar MP, pentadbir pendidikan dan pakar dalam pendidikan vokasional bagi mendapatkan maklum balas tentang asas keperluan untuk mewujudkan kurikulum vokasional bagi pelajar MP serta cadangan berkaitan bentuk, pelaksanaan dan penilaian kurikulum tersebut. Dapatan kajian mendapati: (1) pelajar MP kurang memiliki kemahiran bekerja mungkin kerana kurikulum sedia ada didapati bersifat terlalu umum dan lebih menekankan aspek akademik yang tidak sesuai dengan keperluan pelajar MP; (2) Terdapat beberapa bidang kemahiran kerjaya yang dikenalpasti sesuai diajar kepada pelajar MP; (3) pelajar MP di masa hadapan memerlukan kemahiran vokasional yang berteknologi tinggi sesuai dengan kehendak semasa; (4) penawaran kerja di masa hadapan untuk pelajar MP adalah berasaskan kemahiran berbanding kelayakan akademik.

Kata kunci : pendidikan vokasional, pelajar bermasalah pembelajaran, sekolah menengah